

Kawalan Sosial dan Pembentukan Inovasi Keselamatan dalam Kalangan Komuniti Perumahan Kos Rendah di Putatan, Sabah

Mohd Atif Johari & Novel Lyndon

Pusat Pengajian Sosial Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Persekitaran,
Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.
Email of corresponding author: Mohd_Atif1991@yahoo.com

Keberkesanan kawalan sosial formal dan tidak formal yang sedia ada dalam mengawal tahap kesejahteraan komuniti tempatan seringkali dipersoalkan. Hal ini disebabkan, perasaan tidak selamat dan pemahaman mereka tentang kawalan sosial tersebut yang perlu diinovasikan, agar seiring dengan arus perubahan persekitaran sosial dan pmodenan komuniti. Oleh sebab itu, objektif utama kajian ini ialah untuk memahami pandangan dunia komuniti lokal tentang jenis kawalan sosial yang sesuai diwujudkan dan jenis inovasi keselamatan yang telah dibentuk oleh komuniti perumahan kos rendah di Taman Teluk Villa, Putatan Sabah. Kajian ini, menggunakan pendekatan fenomenologi yang berasaskan ontologi idealis dan espistemologi konstruksionis. Kajian ini dijalankan di Daerah Putatan, Sabah. Seramai 20 orang informan telah dipilih dalam kajian ini menggunakan teknik persempelan bukan kebarangkalian iaitu persempelan bertujuan dan bola salji. Data dalam kajian ini dikutip dengan menggunakan teknik temubual mendalam dan perbincangan kumpulan terfokus secara informal. Dapatkan kajian mendapat makna rasa selamat, menurut pandangan dunia komuniti lokal ini dibahagikan kepada dua tema utama iaitu nyawa dan kebendaan dan hubungan antara ahli komuniti. Makna selamat berasaskan nyawa terdiri daripada diri sendiri, ahli keluarga, jiran, haiwan perliharaan, harta benda, gangguan orang luar atau asing, kesihatan dan kebersihan dan bencana alam. Seterusnya, makna selamat melibatkan hubungan antara ahli komuniti berasaskan hubungan sosial, nilai moral, kesepaduan sosial dan hubungan bersama agensi kerajaan, swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Kesimpulannya, kajian mendapat bahawa jenis pekerjaan, pendapatan dan tahap pendidikan mempengaruhi interpretasi pandangan makna rasa selamat dan pembentukan inovasi oleh komuniti lokal.

Kata Kunci: Kawalan sosial, Perumahan kos rendah, Makna Rasa selamat, Inovasi Keselamatan

1.0 Pengenalan

Sejak kebelakangan ini, isu-isu jenayah dan keselamatan merupakan isu yang hangat diperkatakan oleh masyarakat di bandar (Ainur Zaireen & Jalaluddin 2010). Hal ini demikian kerana, proses pembandaraan, dilihat semakin rancak membangun dengan adanya Program Tranformasi Negara, Model Ekonomi Baru dan pelaksanaan Malaysia Ke-10 yang membawa kemajuan kepada negara Malaysia. Keadaan ini memberi kesan langsung kepada penduduk di dalamnya untuk berhadapan dengan perubahan suasana yang lebih mencabar dan berdaya saing (Mohamad Shaharudin 2012). Pelaku jenayah merupakan antara fenomena permasalahan sosial yang melanda kebanyakan bandar di dunia. Keadaan ini menunjukkan peningkatan dan menimbulkan reaksi kebimbangan pelbagai peringkat lapisan masyarakat sama ada di pihak pemerintah mahupun masyarakat awam (Nor-Ina Kanyo et al. 2015).

Amar Singh Sidhu (2006), kadar jenayah akan meningkat kepada 2.6 peratus setiap tahun melambangkan fenomena ini kian meruncing dan masalah jenayah ini sering dikait dengan kawasan pembandaraan. Keadaan persekitaran sebegini akan mendorong dan mendesak individu untuk melakukan aktiviti jenayah yang melanggar norma-norma kehidupan seperti rompakan, bunuh dan kecurian (Masitah Zulkeoli 2011). Isu keselamatan ini, telah mewujudkan rasa kebimbangan dan tidak selamat penting samada di kawasan bandar mahupun di luar bandar (Mohamad Shaharudin 2012). Di dalam sesebuah komuniti terdapat pelbagai nilai dan norma serta undang-undang yang mengawal

tingkah laku mereka. Keadaan ini dilihat sebagai satu kawalan sosial. Kawalan sosial yang bersifat fungsional dikenakan kepada mereka yang melanggar peraturan yang berpandu kepada devian atau jenis jenayah yang berlaku di sesebuah kawasan tersebut.

Oleh itu, konsep yang digunakan oleh sesebuah komuniti ini dapat mengekalkan tahap keselamatan dan keteraturan sosialnya. Kelangsungan pelaksanaan program komuniti hanya akan berlaku apabila komuniti sasaran meraih pengajaran dan pengalaman sehingga mencetuskan inisiatif dan idea-idea kreatif yang mendorong komuniti diperkasakan (Jamaluddin Mustafa 2007). Menurut Gan Kang Meng (2007), kes jenayah keganasan dan harta benda menjadi perbualan masyarakat. Kes rompakan atau samun samada menggunakan senjata api atau tidak, paling ditakuti oleh orang ramai kerana bukan sahaja mendatangkan kerugian harta benda malah menyebabkan kehilangan nyawa. Kawasan taman perumahan boleh dikatakan sebagai sasaran atau tumpuan kepada kegiatan jenayah (Mustaqim Yusuf 2012). Keadaan ini akan mengakibatkan kegusaran dan gelisah di kalangan komuniti setempat malah, akan mempengaruhi emosi dan kehidupan fizikal (Ramli Dolah 2003).

2.0 Sorotan Karya

Mohit M.A & Hannan M.H (2012) menjalankan kajian potensi jenayah di perumahan teres Taman Melawati, Kuala Lumpur. Kajian yang dijalankan memperlihatkan kesan reka bentuk fizikal ke atas kejadian jenayah di kawasan perumahan Taman Melati Bandaraya Kuala Lumpur dan kesan alam sekitar yang dibina di atas kemungkinan pengurangan jenayah melalui langkah-langkah perancangan fizikal. Terdapat dua isu dalam kajian ini iaitu keadaan jenayah dalam perumahan sekitar ruang yang terbuka dan keadaan rumah yang selamat tetapi isu kejiranian tidak selamat seperti berlakunya kes ragut. Oleh itu, tujuan kajian adalah untuk mengkaji tahap keselamatan di perumahan kawasan kajian dan mengenalpasti kesan alam sekitar fizikal ke atas jenayah di kawasan itu. Kajian dijalankan menggunakan pendekatan triangulasi iaitu gabungan dua kaedah; kualitatif dan kuantitatif (borang soal selidik dan pemerhatian peribadi). Borang soal selidik mensasarkan 200 unit teres yang berstrata dan dipilih secara rawak. Dua jenis skala telah digunakan untuk mengukur pembolehubah kualitatif iaitu Likert dan Thurston. Dapatkan kajian menunjukkan keadaan jenayah di kawasan perumahan Taman Melati mengikut persepsi keselamatan penduduk berada pada keadaan baik untuk kehidupan mereka. Walaubagaimana pun, hasil kajian jelas menunjukkan penduduk yang tinggal di sepanjang jalan utama adalah lebih baik daripada penduduk yang tinggal di sekitar ruang terbuka. Justeru, pengkaji mencadangkan perlunya langkah-langkah pencegahan jenayah memberi tumpuan ke arah mewujudkan kejiranian selamat supaya rumah menjadi selamat juga.

Phil Mason et al. (2013), menjalankan kajian berkaitan pengaruh kadar dan tanggapan jenayah dan keselamatan berjalan di kawasan kejiranian. Kajian menggunakan sampel keratan rentas 3824 orang dewasa British dari 29 kawasan kejiranian di Glasgow, UK. Persepsi beberapa tingkah laku antisosial tempatan yang serius iaitu seperti (mabuk dan pecah rumah) dan perasaan keselamatan peribadi seperti (berasa selamat di rumah dan jika berjalan seorang diri di kawasan tempatan). Kajian juga menunjukkan kepentingan pengurusan tempatan di kawasan kejiranian, dalam mengurangkan masalah gangguan, dan pertumbuhan semula sosial, yang membantu mengukuhkan semangat kemasyarakatan. Terdapat dua kritikan jelas yang boleh dibangkitkan mengenai langkah jenayah. Pertama, jenayah yang dilaporkan data set tidak mengandungi maklumat mengenai jenayah seksual, dimana dilihat mempengaruhi keselamatan dan tingkah laku berjalan, terutamanya di kalangan wanita. Langkah kedua, mengukur jenayah yang diperolehi responden tempatan di kejiranian tersebut.

Nor-Ina (2015) perlakuan jenayah merupakan antara fenomena permasalahan sosial yang melanda kebanyakan bandar di dunia. Permasalahan ini menunjukkan peningkatan dan menimbulkan reaksi kebimbangan pelbagai peringkat lapisan masyarakat sama ada di peringkat pemerintah mahupun

masyarakat awam. Pelbagai pendekatan dan usaha terus dijalankan dalam menanganinya, namun kadar jenayah negara masih kurang berkesan ditangani pada keseluruhannya. Artikel ini mengupas, meneliti dan mengetengahkan beberapa dasar yang telah dilakukan kerajaan Malaysia dalam mengurangkan kadar pelakuan jenayah di negara ini. Penelitian dasar difokuskan kepada penubuhan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia atau Malaysia Crime Prevention Foundation (MCPF) pada 1993 dan terbentuknya Program Tranformasi Kerajaan (GTP) yang berprinsipkan "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" dan menjadi landasan pembentukan National Key Result Area (NKRA) atau Bidang Keberhasilan Utama Negara. Hasil tinjauan menunjukkan dasar pengurangan jenayah telah berjaya dalam membendung permasalahan jenayah negara secara keseluruhannya. Dapat disimpulkan bahawa kepelbagaian pendekatan dalam usaha pengurangan masalah pelakuan jenayah di Malaysia telah meningkatkan imej Malaysia sebagai antara negara yang diiktiraf di peringkat global sebagai paling selamat dan aman.

Menurut, Puspitawati (2009), struktur sosial terhasil daripada norma tingkah laku individu-individu yang mempunyai kepelbagaian ras, etnik, adat dan agama yang akhirnya mencetuskan pola hubungan dalam kelompok masyarakat yang lebih besar sehingga mampu membentuk asas struktur hubungan sosial dari persaudaraan (kinship) kepada sistem stratifikasi sosioekonomi. Sosiologis Ferdinand Tonnies menterjemahkan Gemeninschaft bertukar menjadi Gesellschaft dalam konteks hubungan ini. Proses pembandaraan memberi kesan terhadap struktur sosial sehingga menjelaskan keakraban antara rakan dan jiran tetangga yang diamalkan oleh masyarakat tradisional. Sebaliknya kawasan Bandar mula dipenuhi dengan wajah-wajah individualistik ekoran kurangnya proses interaksi sosial antara manusia.

Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Negeri Kelantan, 2011, memperkenalkan satu projek inovasi system 'AMARAN' kepada komuniti (Kawasan Rukun Tetangga/ Kawasan Perumahan Awam/ penduduk di tepi sungai atau kawasan berbukit/ Pekan/ Bandar) sebagai satu sistem maklumat awal sebarang kemungkinan samada kes-kes jenayah, bencana alam, kemalangan atau sebagainya untuk tindakan awal atau mengelakkan dari sebarang kejadian yang tidak diingini. Selain itu, merupakan salah satu sistem alternatif dari sistem yang sedia ada ditambahbaikan sesuai dengan kepentingan semasa di era sains dan teknologi moden. Melalui laporan inovasi yang telah disediakan, tujuan system ini adalah untuk membina satu sistem alternatif tanda amaran kepada komuniti supaya dapat mengurangkan indek jenayah atau kemalangan jiwa akibat daripada bencana. Pelaksanaan projek inovasi ini dipasang pada tempat yang boleh menarik perhatian komuniti seperti di pondok atau Pusat Aktiviti Rukun Tetangga, Balai Raya, Surau atau Masjid, Pusat Beli Belah atau pun tempat-tempat tumpuan orang ramai (www.habinovasi.mampu.gov.my).

3.0 Metodologikal Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Kajian ini juga, menggunakan teori kawalan sosial oleh Travis Hirschi 1969. Juga, kajian ini menggunakan pendekatan fenomologi diskriptif untuk memahami pengalaman individu atau komuniti yang dikaji. Keutamaan penggunaan penyelidikan fenomologi ini adalah untuk mendalami dan mendeskripsikan pengalaman kehidupan seharian mereka semasa di temubual oleh pengkaji (Struesbert & Carpenter, 1999, Poerwandari, 2005 dalam Ani Wijayanti 2014). Pendekatan ini digunakan kerana informan di Taman Teluk Villa merupakan komuniti atau kumpulan yang mengalami perkara sama dalam mengawal keselamatan. Kajian ini melibatkan proses interpertasi terhadap pengalaman, reaksi dan tingkah laku aktor sosial yang melibatkan proses interaksi sosial dalam dunia mereka. Temubual dengan responden akan dijalankan dalam keadaan informal iaitu melalui perbualan dan penceritaan. Data juga turut dikutip dengan menggunakan perbincangan kumpulan terfokus "Focus Group Discussions" (FGD) antara kumpulan pihak-pihak berkepentingan dan komuniti sasaran.

3.1 Persempelan

Populasi kajian ini terdiri daripada komuniti perumahan kos rendah Taman Teluk Villa, Polis Diraja Malaysia, Rukun Tetangga, NGO dan Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional Negeri Sabah (JPNIN). Kaedah persempelan bukan kebarangkalian (*non-probability*) yang terdiri daripada persempelan bertujuan dan rantaian bebola salji (*snowball*). Pengutipan data dalam kajian ini adalah melalui teknik temubual secara mendalam (*indepth interview*). Bagi persempelan bertujuan, seramai 12 orang informan telah dipilih. menggunakan kriteria-kriteria tertentu. Ciri-ciri yang akan dipilih adalah seperti berikut: penduduk perumahan Taman Teluk Villa, ahli KRT, ahli SRS, dan penduduk perumahan Taman Teluk Villa yang pernah menjadi mangsa jenayah.

4.0 Dapatan dan Perbincangan

Berdasarkan data yang diperoleh di jadual 1, menunjukkan pandangan komuniti lokal berkaitan makna rasa selamat ini terbahagi kepada dua iaitu makna selamat adalah nyawa dan kebendaan dan makna selamat adalah hubungan komuniti. Makna selamat berasaskan nyawa dan kebendaan terdiri daripada nyawa diri sendiri, ahli keluarga, jiran, haiwan perliharaan dan keselamatan harta benda. Seterusnya, makna selamat melibatkan hubungan antara ahli komuniti adalah berasaskan kesepadan sosial antara ahli komuniti di kawasan perumahan tersebut dan hubungan yang baik dengan agensi kerajaan yang bertanggungjawab dengan keselamatan mereka. Perasaan selamat yang digambarkan oleh informan juga melibatkan kes-kes jenayah yang berlaku di kawasan perumahan mereka seperti jenayah kekerasan dan jenayah harta benda. Keadaan ini mewujudkan perasaan bimbang mereka terhadap tahap keselamatan diri sendiri, keluarga dan harta benda. Demikian selari dengan teori kawalan sosial dimana tumpuan komuniti untuk meningkatkan strategi mengawal tingkah laku manusia yang membawa kepada kepatuhan kepada peraturan masyarakat. Demikian, pendekatan komuniti Taman Teluk Villa, ini selari dalam mendidik, membimbing dan berfungsi secara universal untuk mengawal tingkah laku masyarakat sekeliling disamping bekerjasama dengan pihak PDRM untuk memperkuuhkan pematuhan dari segi undang-undang.

Jadual 1: Makna Rasa Selamat

Bil	Makna Selamat adalah Nyawa dan Kebendaan	Makna Selamat adalah Hubungan Komuniti
1	Diri Sendiri	Hubungan Sosial
2	Ahli Keluarga	Tolong – Menolong
3	Jiran	Kerjasama
4	Haiwan Perliharaan	Semangat 1 Malaysia (Perpaduan Kaum)
5	Harta Benda	Jalinan bersama Agensi Kerajaan / Swasta / NGO
6	Gangguan Orang Luar/ Asing	
7	Kesihatan dan Kebersihan	
8	Bencana Alam	

Sumber: Kajian Lapangan 2016

5.0 Kesimpulan

Pandangan komuniti Taman Teluk Villa yang tinggal menetap berkaitan makna rasa selamat adalah berlainan berbanding tempat lain. Hal ini demikian kerana, melalui data diperoleh, makna rasa selamat dibahagikan kepada dua jenis iaitu nyawa dan kebendaan dan hubungan komuniti. Keadaan ini dilihat selari dengan teori kawalan sosial serta konsep yang diketengahkan iaitu konsep sosial dan intraksi sosial. Menurut Saifuddin (2013), interaksi sosial ini melibatkan tingkahlaku dan mempengaruhi fikiran individu kepada individu yang lain dalam pelbagai situasi. Bagi Rokiah Ismail (2002) mengatakan bahawa jalinan hubungan sosial adalah dipengaruhi oleh empat unsur iaitu kebudayaan, biologi, pengalaman dan ketidakpastian. Manakala, Norazman (2010) hubungan sosial wujud berdasarkan kepada persaudaraan, persahabatan dan kejiraninan. Keadaan ini, telah berlaku di kawasan kajian dimana, mereka bersama-sama menjadi dinamik dalam pengurusan meningkatkan kawalan keselamatan di kawasan perumahan mereka. Seterusnya, pendekatan (3P) iaitu pekerjaan. Pendidikan dan pendidikan jugamemaikan peranan dan memberi kesan berbeza terhadap komuniti dalam interpretasi makna selamat di sesuatu kawasan.

2.1 Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia Prof Madya Dr. Novel Anak Lyndon yang sentiasa membimbing dan memberi nasihat dalam menyiapkan penyelidikan ini. Ucapan terima kasih juga kepada pihak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Polis Diraja Malaysia, Sabah (PDRM) dan Komuniti Taman Teluk Villa, Putatan, Sabah Penghargaan juga diberikan kepada Seminar Antarabangsa Pascasiswazah Sains Sosial (SSPIS) kerana memberi ruang kepada saya menyertai seminar ini. Kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga dan sahabat dalam membantu sepanjang penulisan kajian ini.

2.2 Rujukan

- Ainur Zaireen Zainuddin, Jalaluddin Malek. (2010) Keberkesanan Program Bandar Selamat Dari Persepsi Penduduk Kajian Kes : Bandaraya Shah Alam. Johor Bharu. Universiti Teknologi Malaysia. Journal Teknologi issue 1 vol 53.
- Dasar Perumahan Negara. (2013) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia. Dalam www.kpkt.gov.my/kpkt_2013/.../dasar/DRN_BM.pdf.
- Gan Kang Meng. (2007) Kajian Kes Perogol di Penjara Negeri Kedah Dan Perak. Pulau Pinang. Universiti Sains Malaysia.
- Jamaludin Mustaffa. (2007) Apek Keselamatan Awam dalam Pembentukan Bandar Selamat di Malaysia : Kajian Kes Alor Setar. Kedah. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
- Masitah Zulkepli. (2011) Pembangunan Model Penentuan Keperluan Perumahan. Kajian kes Johor Bahru, Malaysia. Fakulti Pengurusan Teknologi, Perniagaan dan Keusahawanan. Melaka. Universiti Tun Hussien Onn Malaysia.
- Mohammad Abdul Mohit & Mohamed Hassan Elsawahli Hannan. (2012) A Study of Crime Potentials in Taman Melati Terrace Housing in Kuala Lumpur: Issues and Challenges. Social and Behavioral Sciences. 42: 271-283.
- Mustaqim Yusof. (2012) Kepuasan Penduduk Program Perumahan Rakyat Terhadap Kualiti Perumahan: Kajian Kes: Projek Perumahan Rakyat Sri Iskandar, Pasir Pelangi, Johor Baharu dan Projek Perumahan Rakyat Desa Mutiara, Tebrau, Johor Bharu. Johor Baharu. Universiti Teknologi Malaysia.
- Norazman Bin Mohd Noor. (2010) Keselamatan Dalam Perumahan Komuniti Berpagar. Kajian Kes Apartmen Prima Dan Taman Kristal 2, Sepang, Selangor. Johor Bharu. Universiti Teknologi Malaysia.
- Nor-Ina Kanyo, Norizan, Ruslan, Ahmad Tarmizi, Norita. (2015). Jenayah dan agenda pembangunan di Malaysia: Satu tinjauan. Malaysian Journal of Society and Space 11 issue 1 (124-134).

- Phil Mason, Ade Kearns, Mark Livingston (2013) 'Safe Going': The influence of crime rate and perceived crime and safety on walking in deprived neighbourhood. Social Science & Medicine 91 (2013) 15-24.
- Ramli Dolah, Wan Shawaluddin Wan Hassan, Diana Peters, Marja Azlima Omar. (2003) Pendatang Filipina Di Sabah: Satu Pemerhatian Dari Sudut Keselamatan. Jati, Bilangan 8.
- Rokiah Ismail (2002) Kawalan Sosial dan Pelbagai Dimensi Fungsinya dalam Strategi Menangani Masalah Jenayah Dan Delinkuensi Di Malaysia. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saifuddin. (2013) Seminar Nasional Yusuf Benceh 'Hubungan Etnik Dan Perpaduan Sosial Di Aceh. Lhokseumawe. Fakulti Ilmu Sosial Dan Ilmu Politik'. Universiti Malikussaleh.